

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 26/10/2007

# Kempen Bumi Hijau sepintas lalu

um - 26/10/2007

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL

**BEBAN** kenaikan harga minyak yang turut memberi impak kepada kenaikan harga barang menjadi matlamat utama kepada pewujudan semula Kempen Bumi Hijau (Amalan Bercucuk Tanam).

Ia dilancarkan semula di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 3 Mac tahun lalu dengan matlamat utama adalah untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi mengeluarkan sendiri bahan makanan harian.

Kempen ini juga diharapkan untuk mewujudkan kesedaran dan minat rakyat terhadap pertanian terutama di kalangan penduduk-penduduk taman perumahan di bandar.

Di samping itu, kempen ini lebih penting bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap makanan segar, berkhasiat dan selamat dimakan di samping mewujudkan persekitaran rumah yang cantik dan menarik.

## Konsep Pelaksanaan


Kempen Bumi Hijau terdiri daripada tiga komponen utama iaitu tanaman (bercucuk tanam), ternakan dan akuakultur.

Amalan bercucuk tanam yang dilaksanakan berkonsepkan *kitchen garden* atau *edible landscape* dengan menanam tanaman yang bersesuaian dengan ruang yang sedia ada untuk keperluan keluarga.

Kempen ini juga menekankan konsep pengeluaran makanan hanya untuk kegunaan sendiri dengan jenis tanaman seperti sayur-sayuran berdaun dan berbuah, herba dan ulam-ulaman yang boleh dituai secara berterusan.

Bagi menjayakan kempen ini, anak-anak pokok ditanam di dalam bekas mudah alih seperti pasu dan polibeg atau di atas tanah kosong milik kerajaan, majlis tempatan, swasta, rumah ibadat dan sebagainya yang berhampiran.

Tanaman sayur-sayuran dan ulam-ulaman seperti bayam, sawi, cili, terung, selom dan



TUN Abdul Razak membentangkan Rancangan Buku Hijau pada 1974.



PERDANA Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Muhyiddin Yassin serta pemimpin-pemimpin lain menyiram tanaman sebagai simbolik pelancaran kempen Bumi Hijau tahun lalu.

daun herba seperti daun kari dan kunyit sesuai dilaksanakan untuk kempen bumi hijau ini.

Komponen ternakan pula melibatkan aktiviti pemeliharaan ayam kampung untuk daging dan telur manakala akuakultur pula membabitkan aktiviti ternakan ikan keli dalam tangki kanvas, tilapia dalam sangkar dan pelepasan benih ikan dalam kawasan pengairan umum.

## Pendekatan

### Penanaman secara individu atau keluarga

Penanaman akan dilaksanakan secara individu melibatkan seorang atau satu keluarga.

Penanaman dilaksanakan di dalam kawasan rumah mereka dengan tanaman yang sesuai dengan ruang dan keperluan masing-masing.

Kaedah ini sesuai dilaksanakan di rumah-rumah teres, rumah pangsa dan pangsapuri dan untuk menampakkan impak pelaksanaan kempen ini, sekurang-kurang 40

orang peserta individu diperlukan di satu-satu kawasan.

### Penanaman secara komuniti

Bagi kawasan perumahan yang terdapat tanah lapang berhampiran, penanaman secara komuniti boleh dilaksanakan.

Penanaman akan diuruskan oleh satu badan dan kaedah ini membolehkan mereka menanam pelbagai jenis tanaman dengan mengambil kira kuantiti yang mencukupi untuk penggunaan setiap keluarga.

Badan pengurusan tersebut akan merancang untuk melaksanakan penanaman di kawasan berkenaan termasuk mendapat kebenaran atau kelulusan secara rasmi daripada pihak yang berkaitan.

Bersesuaian dengan matlamat kempen ini juga yang diharapkan memberi faedah kepada kira-kira 500,000 buah keluarga secara langsung, perlaksanaannya dijalankan secara menyeluruh termasuk dipromosikan mene-

rusi media cetak dan media elektronik.

Malah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang bertanggungjawab sebagai penyelaras kempen ini juga tampil dengan pelbagai usaha publisiti bagi menarik penglibatan orang ramai dalam menjayakannya.

Ia termasuk pertandingan seperti Landskap Bumi Hijau Terbaik, Pertandingan Hasil Projek Bumi Hijau Terbaik dan Pertandingan Projek Bumi Hijau Terbaik (Individu/Komuniti).

Input pertanian seperti biji benih, anak-anak pokok sayur-sayuran dan herba juga akan disediakan oleh Jabatan Pertanian dan pihak swasta secara percuma kepada peserta yang terlibat dalam kempen ini.

Jabatan Pertanian juga akan menyediakan aktiviti sokongan teknikal berupa khidmat nasihat meliputi aspek pengurusan, agronomi dan penjagaan tanaman dan landskap termasuk pemilihan sayur-sayuran sehinggalah kepada aspek penuaian hasil.